

# Keupayaan pertahanan dipertingkatkan

Peruntukan bagi persiap pasukan keselamatan menjaga kedaulatan negara

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM18.3 bilion kepada Kementerian Da-

lam Negeri (KDN) dan RM17.4 bilion kepada Kementerian Pertahanan (MINDEF) untuk Bajet 2023.

Peruntukan itu merangkumi pembelian dan penyelenggaraan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu sebanyak RM4 bilion bagi meningkatkan kesiagaan pertahanan.

Pembelian dan penyelenggaraan aset Polis Diraja Malaysia sebanyak RM431 juta bagi meningkatkan keselamatan dalam negeri.

Kerajaan juga memperuntukkan RM485 juta kepada Agensi



Bajet 2023 disalur untuk memantapkan aset pertahanan negara.



Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi tujuan penyelenggaraan semua kapal dan bot agensi berkenaan demi memastikan ke-

selamatan kawasan maritim negara sentiasa terpelihara.

#### Naik taraf fasiliti

Turut diperuntukkan adalah perolehan alat pengimbas badan dan menaik taraf fasiliti di lima penjara RM18 juta

Selain itu, perolehan alat pengimbas badan dan menaik taraf fasiliti di lima penjara antaranya

Penjara Seremban di Negeri Sembilan dengan peruntukan RM18 juta.

Kerajaan akan turut menambah 25 pos kawalan sempadan Pasukan Gerakan Am (PGA), Imigresen, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), APMM antaranya di Serikin, Sarawak dan Lahad Datu di Sabah.